



DR. Mahathir Mohamad menyambut Mohammad Khatami yang membuat kunjungan hormat ke pejabatnya di Kompleks Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.

Um - 14/2/2006

Bantahan beri isyarat supaya lebih sensitif terhadap Islam – Dr. Mahathir

PUTRAJAYA 13 Feb. – Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata bantahan umat Islam terhadap penerbitan karikatur Nabi Muhammad s.a.w. patut memberi mesej bahawa tindakan tidak sensitif terhadap Islam tidak seharusnya berulang.

Bekas Perdana Menteri itu bagaimanapun berkata bantahan itu tidak wajar berpanjangan.

“Umat Islam mesti buat protes, dan jika perlu, buat mereka rasa keperitan dengan memboikot. Ia bertujuan memberi isyarat supaya mereka tidak mengulanginya,” katanya semasa ditemui selepas menerima kunjungan bekas Presiden Iran, Mohammad Khatami di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas bantahan umat Islam membabitkan penerbitan karikatur yang memperkecil-kecilkan Nabi Muhammad dalam sebuah akhbar Denmark dan penyiaran semula bahan itu oleh akhbar-akhbar di Eropah dan beberapa negara lain

yang mencetuskan tindakan marah daripada umat Islam di seluruh dunia.

“Ia tidak sensitif (menyiar semula karikatur), dan saya berpendapat umat Islam bertindak tepat untuk membantah,” katanya.

Dr. Mahathir menyatakan bahawa ada penduduk di Eropah telah hilang kepercayaan terhadap agama mereka.

Dan kerana mereka menganggap agama sebagai tidak relevan, beliau berkata adalah salah untuk mereka menganggap umat Islam mempunyai perasaan yang serupa apabila agama mereka diperlekehkan.

“Kebanyakan penduduk Eropah pada asasnya tidak mempunyai agama, dan mereka tidak nampak mengapa kita ambil kisah mengenai perkara itu,” kata Dr. Mahathir menjelaskan mengapa akhbar menyiarkan semua karikatur yang menghina itu.

Seperti kebanyakan negara Islam lain, Malaysia mengutuk penerbitan karikatur itu.

– Bernama